

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING**  
**KAWASAN : PENAMPANG**  
**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 35**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status naik taraf jalan dari Donggongon ke simpang jalan Papar, Sabah (Pakej 1) yang berjumlah RM232.9 juta seperti dalam senarai projek RP4 RMK-11 P.174 Penampang yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 18 Februari 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Naik Taraf Jalan Dari Donggongan ke Simpang Jalan Papar Spur, Sabah (Pakej 1) telah diluluskan pada tahun 2013 di bawah Rolling Plan 3 Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RP 3, RMKe-10) dan bukanlah diluluskan di bawah Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia ke-11 (RP 4, RMKe-11). Projek dengan kos sebanyak RM232.9juta ini telah siap sepenuhnya pada 30 Jun 2017 dengan skop projek merangkumi naik taraf jalan dari jalan dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala. Ianya telah memberi manfaat dan keselesaan kepada pengguna jalanraya tersebut yang sebelum ini mengalami kesesakan teruk.

Manakala pada Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia ke-11 (RP1, RMKe11), projek Menaiktaraf Jalan Dari Donggongan ke Simpang Jalan Papar Spur ini telah disambung dan diluluskan melalui Pakej 2 & 3 dengan kos sebanyak RM380 juta. Projek ini meliputi kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada tunggal 2 lorong 2 hala kepada jalan berkembar 4 lorong 2 hala sepanjang 16km bermula dari Kampung Langkuas ke Jambatan Simpudu. Projek Menaiktaraf Jalan Dari Donggongan ke Simpang Jalan Papar Spur (Pakej 2 & 3) ini masih dalam pelaksanaan dengan status pelaksanaan di tapak sebanyak 92%.

Sekian, terima kasih.